

Rumusan berkenaan “penghasutan kepada kebencian”

Kerangka Undang-Undang:







Perkara 20, perenggan 2 Perjanjian Antarabangsa tentang Hak Sivil dan Politik (ICCPR) menyatakan bahawa "sebarang advokasi yang menghasut diskriminasi, permusuhan atau keganasan yang boleh membentuk kebencian kebangsaan, kaum atau agama adalah dilarang oleh undang-undang."

Definisi:

- Istilah ‘kebencian’ dan ‘permusuhan’ merujuk kepada emosi yang kuat dan tidak rasional terhadap penghinaan, permusuhan dan kebencian terhadap kumpulan sasaran;
- Istilah ‘advokasi’ harus difahami sebagai berniat untuk memupuk rasa kebencian secara terbuka terhadap kumpulan sasaran; dan
- Istilah ‘penghasutan’ merujuk kepada kenyataan mengenai kumpulan kebangsaan, kaum atau agama, mewujudkan risiko segera yang boleh mencetuskan diskriminasi, permusuhan atau keganasan terhadap seseorang yang tergolong di dalam kumpulan tersebut.

Penilaian Ambang Undang-undang:

Perkara 20 ICCPR mensyaratkan nilai ambang undang-undang yang tinggi kerana batas-batas kebebasan bersuara tetap menjadi pengecualian. [Pelan Tindakan Rabat](#) (lampiran, A/HRC/22/17/Add.4) mencadangkan bahawa enam bahagian penilaian ambang undang-undang berikut perlu dipenuhi supaya kenyataan tertentu boleh dianggap sebagai kesalahan jenayah:

- 
- 
- 
- 
- 
- 
- (1) **Konteks:** Konteks adalah sangat penting ketika menilai sama ada kenyataan tertentu cenderung kepada penghasutan diskriminasi, permusuhan atau keganasan terhadap kumpulan sasaran, dan mungkin berkaitan langsung dengan kesengajaan dan/atau punca. Analisis konteks harus meletakkan tindakan pidato di dalam konteks sosial dan politik yang lazimnya berlaku semasa pidato itu disampaikan dan disebar;
 - (2) **Pembicara:** Kedudukan atau status pembicara di dalam masyarakat harus dipertimbangkan, khususnya kedudukan individu atau organisasi di dalam konteks para hadirin sasaran pidato itu;
 - (3) **Niat:** Perkara 20 ICCPR menjangkakan niat dengan sengaja. Kelalaian dan tindakan melulu tidak cukup dianggap sebagai pelanggaran perkara 20 ICCPR kerana perkara ini memperuntukkan "advokasi" dan "penghasutan" dan bukannya sekadar pengedaran bahan. Dalam hal ini, ia memerlukan hubungan segitiga yang aktif di antara objek, subjek pidato dan juga para hadirin;
 - (4) **Kandungan dan bentuk pidato:** Kandungan pidato merupakan salah satu fokus utama dalam pertimbangan mahkamah dan merupakan elemen penting membabitkan penghasutan. Analisis kandungan merangkumi sejauh mana pidato itu bersifat provokatif dan secara langsung, serta bentuk, gaya, sifat hujahan yang digunakan di dalam pidato atau keseimbangan antara hujahan yang diberikan;
 - (5) **Takat tindakan pidato:** Takat ini merangkumi unsur-unsur seperti jangkauan tindakan pidato, sifat awamnya, kekuatannya dan jumlah hadirin. Unsur-unsur lain yang perlu dipertimbangkan termasuk sama ada pidato itu awam, cara penyebarannya, misalnya dengan satu risalah atau disiarkan di media arus perdana atau melalui Internet, kekerapan, kuantiti dan takat komunikasi, sama ada para hadirin mempunyai cara untuk bertindak berdasarkan penghasutan itu, sama ada kenyataan itu (atau bahan komunikasi) diedarkan dalam persekitaran terhad atau dapat diakses secara meluas oleh masyarakat umum; dan
 - (6) **Kemungkinan, termasuk kebarangkalian berlaku:** Penghasutan, menurut definisi, adalah jenayah inkoat. Pidato yang menghasut boleh dianggap sebagai jenayah walaupun tiada tindakan yang dianjurkan melalui pidato tersebut berlaku. Walaupun begitu, beberapa tahap risiko kemudaratan mesti dikenal pasti. Ini bermaksud bahawa mahkamah harus menentukan kemungkinan yang munasabah bahawa pidato itu berjaya menghasut tindakan sebenar terhadap kumpulan sasaran, dan mengiktiraf pidato tersebut adalah punca tindakan itu.

Pelan Tindakan Rabat mengambil maklum dengan perhatian bahawa terdapat pesalah kejadian yang memenuhi penilaian ambang perkara 20 ICCPR, tetapi tidak didakwa dan dihukum. Pada masa yang sama, anggota minoriti dianiaya secara *de facto*, dengan kesan yang mengerikan terhadap orang lain, melalui penyalahgunaan undang-undang, jurisprudens dan polisi domestik yang tidak jelas. Pemimpin politik dan agama tidak seharusnya menghasut kebencian, sepatutnya mereka memainkan peranan penting bertegas dan bertindak pantas menentang pidato yang menghasut kebencian, mereka juga harus menjelaskan bahawa mereka tidak akan bertoleransi dengan keganasan akibat tindak balas daripada pidato yang menghasut kebencian (baca juga [18 komitmen mengenai "Faith for Rights"](#)).